

Qudwah Nabawiyyah dalam Interaksi dengan Bukan Muslim

Qudwah Nabawiyyah in Interaction with the Non-Muslim

NURHANISAH BINTE SENIN¹ & SITI NURBALQIS BINTI BAHARUDDIN¹

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, nurhanisah@kuis.edu.my, 01133517890.

* Corresponding Author: Nurhanisah Binte Senin

Keywords:

Hadith; Qudwah Nabawiyyah; The Prophet's Attitude; Interaction with Non-Muslim

ABSTRACT

Islam encourages dialogue between believers of different religions to promote understanding and peace. Solidarity in religious community is a value that is emphasized in Islam and needs to be upheld on the principle of justice as well as the value of mutual respect and doing good. In an increasingly globalized world, understanding religious diversity is an important element in achieving peace and harmony in a multicultural and religious society. Analysing and delving into hadiths that focus on the Prophet's engagements with non-Muslims can provide valuable insights in facilitating a deeper understanding of how to promote harmony in a diverse and multicultural society. The concept of the Prophet Muhammad as a "qudwah" is deeply ingrained in Islamic teachings, and Muslims strive to emulate his conduct and teachings in their daily lives. Therefore, this writing aims to identify the way of the Prophet PBUH interacted with non-Muslims through the stories mentioned in the Prophetic hadith and formulate the attitudes that exist in the Prophet that can be emulated by Muslims throughout the ages. The research data was acquired using a method that involved the analysis of several hadith, which were carefully selected and organized based on the themes related to the Prophet's interactions with non-Muslims. The results of the study found clear evidence of the good attitudes of the Prophet SAW towards non-Muslims with five interactions namely, (a) respecting followers of other religions, (b) recognizing the goodness of other followers, (c) being fair towards non-Muslims' property, (d) connecting relations and (e) do not respond to evil with evil. The study suggests that the method of interaction of the Prophet PBUH towards non-Muslims can be expanded as a positive model for fostering harmony among diverse religious communities.

Kata Kunci:

Hadis; Qudwah Nabawiyyah; Sikap Rasulullah SAW; Interaksi dengan Bukan Muslim

ABSTRAK

Islam menggalakkan dialog antara penganut agama yang berbeza untuk mempromosikan kefahaman dan perdamaian. Solidariti antara masyarakat beragama adalah nilai yang ditekankan dalam Islam dan perlu ditegakkan atas prinsip keadilan serta nilai saling hormat dan berbuat kebaikan. Dalam dunia yang semakin globalisasi, kefahaman terhadap kepelbagaian agama adalah elemen penting dalam mencapai perdamaian dan harmoni dalam masyarakat berbilang budaya dan agama. Pengkajian dan penelitian terhadap hadis-hadis interaksi Nabi dengan golongan bukan Muslim dapat membantu

masyarakat dan umat Islam khususnya bagi mengetahui dan memahami kaedah harmoni dalam masyarakat yang terbilang. Konsep Nabi Muhammad sebagai "qudwah" dipasakkan dengan mendalam dalam ajaran Islam, dan umat Islam berusaha mencontohi perilaku dan ajaran Baginda dalam kehidupan seharian. Justeru, penulisan ini bertujuan mengenalpasti kaedah Rasulullah SAW SAW berinteraksi dengan golongan bukan Islam menerusi kisah-kisah yang disebutkan dalam hadis Nabi dan merumuskan sikap-sikap yang wujud pada Nabi yang boleh diteladani oleh umat Islam sepanjang zaman. Data-data kajian diperolehi melalui kaedah analisa terhadap beberapa potongan dalil hadis yang dipilih dan disusun mengikut tema-tema sikap Rasulullah SAW terhadap non-Muslim. Hasil kajian mendapati jelas bukti-bukti keterampilan baik Rasulullah SAW SAW terhadap bukan Islam dengan lima interaksi iaitu, (a) menghormati penganut agama lain, (b) iktiraf kebaikan penganut lain, (c) adil terhadap harta bukan Muslim, (d) menghubungkan silaturrahim dan (e) tidak membalas perbuatan jahat dengan kejahatan. Kajian mencadangkan agar kaedah interaksi Rasulullah SAW SAW terhadap non Muslim dapat dipanjangkan kajiannya untuk menjadi contoh pendekatan yang baik dalam keharmonian kepelbagaian masyarakat beragama.

Received: September 30, 2023

Accepted: October 31, 2023

Online Published: December 31, 2023

1. Pendahuluan

Kepelbagaian agama dalam Islam melambangkan kebijaksanaan Allah SWT yang menciptakan manusia dengan keragaman bangsa dan latarbelakang. Ini diakui dalam al-Quran yang menyatakan bahawa jika Allah menghendaki, Dia boleh menjadikan semua manusia sebagai umat yang satu (al-Mā'idah: 48). Tujuan keragaman ini adalah supaya manusia boleh berkenalan dan mempelajari antara satu sama lain, serta ia juga menjadi gesaan kepada manusia untuk mencari hakikat kebenaran dan bersegera dalam membuat kebaikan (Nurhanisah Senin et al, 2019).

Dalam konteks masyarakat majmuk, kerukunan umat beragama tidak dapat direalisasikan tanpa wujudnya hubungan yang sihat dan harmoni di antara penganut berbilang agama. Konflik antara agama wujud akibat daripada kurang kefahaman, salah faham dan tidak menghormati penganut agama lain (Nursila, 2019). Sedangkan dalam membina perpaduan, Islam menekankan tiga prinsip asas iaitu saling berkenalan (*ta'āruf*), saling memahami (*tafāhum*) dan hidup secara harmoni (*ta'āyush*) (Mohd Zaidin et al, 2016; Nazneen Ismail, 2018).

Keistimewaan Islam yang mempunyai nilai-nilai universal merupakan hasil penerusan legasi kenabian sejak daripada zaman Nabi Adam sehinggalah Nabi Muhammad yang menyebarkan risalah tauhid menyembah kepada Tuhan yang Esa. Meskipun begitu, Islam tidak pernah menafikan kewujudan agama dan kepercayaan lain malahan sentiasa membicarakannya dengan menggalakkan umat Islam untuk menjalankan tanggungjawab serta menghormati agama lain (al-Syarif, 2003).

Hal ini sesuai dengan agama Islam sebagai agama menekankan nilai-nilai murni sejajar dengan ajaran Rasulullah SAW yang diutus sebagai rahmat kepada umat manusia. Bahkan ia sejajar dengan firman Allah SWT yang bermaksud, "Kami tidak mengutus engkau, wahai Muhammad, melainkan *rahmatan lil 'ālamīn* (sebagai rahmat bagi seluruh manusia)" (Surah al-Anbiyā': 107). Rahmat membawa maksud manfaat yang diterima oleh alam ini termasuk manusia sama ada Muslim atau yang bukan Muslim. Bagi Muslim, mereka akan meraih kejayaan dunia dan akhirat sekiranya mereka mengikuti Nabi (Ibn Kathir, 2000). Adapun bagi masyarakat bukan Islam, manfaat yang diperolehi adalah mereka dibenarkan untuk hidup dalam perlindungan di bawah pentadbiran Islam (al-Jawzi, 1997).

Rasulullah SAW SAW merupakan contoh bagi seluruh manusia yang bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada mereka yang masih belum memeluk Islam. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik.”
(Surah al-Ahzab: 21)

Ayat ini pada asalnya diturunkan untuk memuji para sahabat yang mempertahankan Islam bersama Rasulullah SAW dalam peperangan. Mereka menjadikan Rasulullah SAW sebagai model dalam kehidupan mereka dari aspek kesabaran, keberanian dan keteguhan dalam berjuang dan berdakwah (Ibn ‘Āsyur, 1984). Ikutan yang baik merujuk kepada contoh tauladan yang perlu diikuti samada daripada aspek amalan, percakapan atau lain-lain sehingga ia membentuk keperibadian seseorang sejajar dengan contoh yang diikuti.

Qudwah hasanah yang bermaksud contoh tauladan atau model yang baik dan ideal (al-Baḥabakki, 1995) merupakan elemen penting yang perlu wujud dalam pembinaan karakter seseorang individu. Tanpa contoh atau model yang boleh diikuti, manusia tidak mampu untuk memperbaiki kesilapan serta menjadi orang yang lebih baik. Bertitik tolak daripada hal ini, Allah mengutuskan para rasul untuk membimbing manusia, Islam jelas menegaskan antara medium dakwah yang paling berkesan adalah melalui contoh tauladan (Norafidah Gordani, 2021).

Dalam penulisan Mohd Faizal Abdul Khir (2019), meletakkan interaksi dengan bukan muslim kepada tiga bahagian utama iaitu berdasarkan kerangka umum, kerangka perdamaian dan kerangka permusuhan. Tiga kerangka ini menunjukkan terdapat perbezaan kaedah berinteraksi dengan bukan Muslim. Begitu juga dengan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa kaedah yang dibawa oleh Baginda mengikut kepada konteks. Hal yang sama dibawakan dalam penulisan Johar Arifin (t.t) yang meletakkan kaedah interaksi terhadap golongan bukan Muslim yang bersifat *musalimūn*, iaitu yang hidup dalam perdamaian. Justeru kertas kerja ini memfokuskan kepada beberapa aspek penting dalam interaksi Rasulullah SAW SAW dengan golongan bukan Muslim berdasarkan kepada hadis-hadis nabawi untuk dijadikan contoh tauladan bersama.

2. Interaksi Rasulullah SAW dengan Bukan Muslim dalam Hadis

Syariat Islam mengatur kehidupan penganutnya daripada semua perspektif khususnya dalam hubungan sosial, Islam menegaskan nilai-nilai murni sesama manusia yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Rasulullah SAW tidak bersifat bias hanya kerana seseorang individu itu tidak memeluk Islam. Tetapi Rasulullah SAW melayan individu itu berdasarkan kepada sifat kemanusiaan yang wujud dalam dirinya.

Selain itu, Baginda mendidik dan memberi contoh kepada para sahabat untuk menghormati dan menjaga hak setiap individu tanpa mengira pegangan agamanya. Imam al-Nawawi menegaskan akhlak Rasulullah SAW SAW telah menjadi dalil keharusan setiap Muslim untuk bersilatullah dengan kaum kerabat dan masyarakat bukan Muslim melalui sikap dan interaksi yang baik. Secara umumnya, terdapat lima sikap utama Rasulullah SAW SAW apabila berhadapan dengan non-Muslim.

Menghormati Penganut Agama Lain

Apabila Rasulullah SAW berhadapan dengan golongan bukan Islam, Rasulullah SAW menunjukkan sikap hormat kepada mereka sehingga apabila yang lalu di hadapannya individu bukan Muslim yang telah meninggal dunia.

أَنَّ قَيْسَ بْنَ سَعْدٍ، وَسَهْلَ بْنَ حُنَيْفٍ، كَانَا بِالْقَادِسِيَّةِ فَمَرَّتْ بِهِمَا جَنَازَةٌ فَقَامَا فَقِيلَ لَهُمَا إِنَّهَا مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ .
فَقَالَا إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّتْ بِهِ جَنَازَةٌ فَقَامَا فَقِيلَ إِنَّهُ يَهُودِيٌّ . فَقَالَ " أَلَيْسَتْ نَفْسًا "

Maksudnya: Perarakan jenazah berlalu di hadapan mereka dan mereka berdiri. Mereka diberitahu bahawa jenazah itu adalah salah satu daripada ahli *dhimmah*. Mereka berkata; “jenazah berlalu berhampiran di hadapan Nabi SAW

lalu Baginda berdiri. Diberitakan kepada Baginda bahawa ia adalah jenazah seorang Yahudi. Lalu Baginda bersabda: “Tidakkah ia satu jiwa / manusia?”

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, No. 961)

Hadis di atas menunjukkan sikap hormat Rasulullah SAW terhadap penganut agama lain walaupun individu tersebut telah meninggal. Imam al-Nawawi menyatakan bahawa suruhan berdiri bersifat sunnah dan sekiranya seseorang duduk apabila jenazah penganut agama lain lalu tidaklah menjadi satu kesalahan.

Syariat Islam mengatur kehidupan penganutnya daripada semua perspektif khususnya dalam hubungan sosial, Islam menegaskan nilai-nilai murni sesama manusia yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Antara golongan masyarakat yang perlu disantuni oleh setiap Muslim adalah adab terhadap jirannya. Nabi sangat menekankan untuk menghormati jiran dan hal ini termasuk jiran bukan Muslim. Dalam sebuah hadis disebutkan daripada Mujahid, kemudian daripada pembantu Abdullah bin Umar menerusi riwayat tersebut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّهُ دَبَحَ شَاةً فَقَالَ أَهْدَيْتُمْ لِحَارِي الْيَهُودِيِّ فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ
 " مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورُنِي "

Maksudnya: Sesungguhnya pembantu Abdullah bin Umar menyembelih seekor kambing lalu beliau berkata, “Apakah kamu telah menghadihkan kepada jiranku yang beragama Yahudi? Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Malaikat Jibril sentiasa berwasiat kepadaku tentang jiran sehingga aku yakin bahawa wahyu mewariskan kepada jiran untuk mendapatkan hak.”

(Riwayat Abū Dāwud, *Kitab al-Adab, Bab fi Haqq al-Jiwar*, No. 5152)

Hadis di atas menunjukkan bagaimana Islam menekankan untuk menghormati jiran dan menjaga haknya walaupun mereka bukanlah sebahagian daripada umat Islam. Penghormatan yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada jenazah Yahudi merupakan akhlak yang sangat tinggi nilainya dan tidak dapat dipertikaikan lagi.

Iktiraf Kebaikan Penganut Lain

Pada tahun 628M, Rasulullah SAW bersama umat Islam keluar ke Mekah dengan niat untuk menunaikan umrah. Namun hasrat mereka telah dihalang oleh golongan Quraisy Mekah yang menguasai Mekah ketika itu. Justeru, kedua-dua pihak Quraisy dan Muslim menghantar wakil untuk berbincang di Hudaibiyah. Wakil daripada Quraisy merupakan Suhail bin ‘Amru. Apabila Baginda melihat Suhail, Baginda SAW terus berkata kepada umat Islam:

قد سهل لكم أمركم

Maksudnya: Sesungguhnya sebahagian daripada urusan kamu telah menjadi mudah.

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Syurut, Bab al-Syurut fi al-Jihad*, No. 2731)

Rasulullah SAW memuji Suhail bersempena dengan namanya yang membawa maksud mudah. Ungkapan ini menunjukkan Rasulullah SAW tetap bersangka baik dan bersifat optimis walaupun terhadap golongan bukan Islam.

Begitu juga dalam hadis yang lain Rasulullah SAW memuji syair seorang musyrik yang bernama Labīd bin Rabā'ah seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

أَصْدَقُ كَلِمَةٍ قَالَهَا الشَّاعِرُ، كَلِمَةٌ لَبِيدٍ: (أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَا اللَّهَ بَاطِلٌ)

Maksudnya: Kata-kata yang paling benar yang diungkapkan oleh penyair ialah kata-kata yang dicuapkan oleh Labid (iaitu), “Ketahuilah, setiap benda akan musnah melainkan Allah.”

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Ayyam al-Jahiliyyah*, No. 3841)

Walaupun terdapat ramai penyair daripada kalangan mereka yang telah memeluk Islam seperti Hasan bin Thābit, Ka‘ab bin Mālik, Abdullah bin Rawāḥah, Rasulullah SAW tetap memuji Labid kerana kenyataan dalam syair yang dibawanya mengandungi kebenaran yang hak. Rasulullah SAW tidak bersifat bias hanya kerana seseorang individu itu tidak memeluk Islam. Tetapi Rasulullah SAW melayan individu itu berdasarkan kepada sifat kemanusiaan yang wujud dalam dirinya. Malahan lebih daripada itu dalam hadis di atas Rasulullah SAW memuji Labid sebagai satu pengiktirafan kepadanya atas ketinggian makna yang terdapat dalam syairnya.

Antara contoh lain sikap Nabi yang mengiktiraf kebaikan orang bukan Islam dapat dilihat dalam pujian Nabi terhadap Raja Najasyi iaitu raja kerajaan Habsyah.

إِنَّ بِالْحَبَشَةِ مَلَكًا لَا يَظْلَمُ عِنْدَهُ أَحَدٌ، فَلَوْ خَرَجْتُمْ إِلَيْهِ حَتَّى يَجْعَلَ اللَّهُ لَكُمْ فَرَجًا

Maksudnya: Sesungguhnya di bumi Habsyah itu terdapat seorang raja yang tidak pernah berlaku zalim kepada sesiapa pun, sekiranya kamu keluar kepadanya Allah akan memberikan kamu kelapangan. (Sunan al-Baiḥaqī)

Ketika pujian ini ditujukan kepada Raja Najasyi, raja Habsyah ini masih berpegang kepada ajaran Nasrani. Namun begitu Rasulullah SAW tetap mengiktiraf kebaikan yang ada pada Raja Najasyi.

Inilah model interaksi Rasulullah SAW dengan golongan bukan Muslim walaupun wujud dalam kalangan mereka yang dianggap musuh ketika itu Nabi mengiktiraf kebaikan mereka dengan cara lemah-lembut dan sopan santun. Firman Allah SWT:

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لَئِن لَّمْ يَكُنِ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا لَئِن لَّمْ يَكُنِ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا لَئِن لَّمْ يَكُنِ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

(Surah Ali ‘Imran: 159)

Surah Ali-‘Imran di atas menguatkan lagi model interaksi Rasulullah SAW secara lemah-lembut sepertimana yang dinyatakan dalam hadis riwayat al-Baiḥaqī. Malahan kaedah ini dapat merapatkan jurang yang wujud antara Muslim dan bukan Muslim sekaligus membentuk satu pendekatan dakwah yang baik.

Adil Terhadap Harta Bukan Muslim

Rasulullah SAW pernah meminjam kelengkapan baju besi daripada Safwan bin Umayyah yang masih lagi merupakan seorang Musyrik ketika itu. Kelengkapan baju besi itu diperlukan sebagai persediaan untuk menempuh perang Hunain selepas daripada peristiwa pembukaan kota Mekah. Ketika itu Safwan dikatakan mempunyai kelengkapan baju besi dan beliau berada di bawah penguasaan pentadbiran Islam. Namun begitu, Rasulullah SAW masih lagi berhasrat untuk meminjam kelengkapan baju besi daripada beliau sehingga membuatkan beliau berasa terkejut dengan permintaan Baginda, sedangkan Baginda seorang individu yang paling berkuasa dalam kerajaan ketika itu. Hadis daripada ahli keluarga Abdullah bin Safwan, sabda Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا جَرِيرٌ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ رُفَيْعٍ، عَنْ أَنَسٍ، مِنْ آلِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَفْوَانَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " يَا صَفْوَانُ هَلْ عِنْدَكَ مِنْ سِلَاحٍ " . قَالَ عَارِيَةٌ أَمْ غَضَبًا قَالَ " لَا بَلْ عَارِيَةٌ "

Maksudnya: Rasulullah SAW telah meminjam daripadanya kelengkapan baju besi pada peperangan Hunain. Beliau bertanya, “Wahai Muhammad! Adakah ini rampasan? (kerana beliau menyangka Baginda akan mengambilnya dan tidak akan memulangkannya kembali).” Baginda pun menjawab, “Tidak, bahkan ini merupakan pinjaman yang ada jaminan untuk dikembalikan.”

(Riwayat Abi Dāwud, *Kitab al-Ijazah, Bab fi Tadhmin al-‘Ariyah*, No. 3562)

Diriwayatkan selepas peristiwa ini Safwan memeluk Islam. Sikap adil yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW menunjukkan keperibadian Baginda yang mulia walaupun di saat berinteraksi dengan golongan bukan Islam. Walaupun Rasulullah SAW mempunyai kuasa, namun Baginda tidak menyalahgunakan kuasa yang ada dengan merampas barang musuhnya sebagai membalas dendam terhadap kekejaman dan kezaliman yang dilakukan ke atas Baginda pada suatu ketika dahulu. Namun sebaliknya, Baginda mendidik dan memberi contoh kepada para sahabat untuk menghormati dan menjaga hak setiap individu tanpa mengira pegangan agamanya.

Menghubungkan Silaturrahim

Hubungan Rasulullah SAW dengan golongan bukan Islam tidak terhenti sekadar dalam mengadakan perjanjian damai dan persefahaman sahaja, namun hubungannya menjangkau kepada layanan yang baik oleh Nabi kepada masyarakat yang berada di sekitarnya. Hal ini dapat dilihat daripada hadis yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW menziarahi khadam Rasulullah SAW yang merupakan seorang Yahudi. Diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

كَانَ غُلَامٌ يَهُودِيٌّ يَخْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَمَرِضَ، فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُهُ، فَقَعَدَ عِنْدَ رَأْسِهِ، فَقَالَ لَهُ: أَسْلِمَ، فَنَظَرَ إِلَى أَبِيهِ وَهُوَ عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ: أَطْعَمَ أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْلَمَ، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقُولُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْقَذَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: Pernah ada seorang budak Yahudi yang menjadi khadam kepada Nabi SAW yang kemudiannya jatuh sakit. Kemudian Nabi SAW pun datang kepadanya dalam keadaan untuk menziarahinya. Baginda telah duduk di sisi kepalanya seraya bersabda kepadanya, “Terimalah Islam.” Lalu budak itu memandang ke arah ayahnya yang berada di sisinya. Maka si ayah berkata, “Taatlah kepada kata-kata Abu al-Qasim!” Lalu budak itu pun memeluk Islam. Sejurus selepas itu, Nabi SAW pun keluar bersabda, “Segala puji adalah untuk Allah yang telah menyelamatkannya daripada api neraka.”

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Jana'iz, Bab 'Iyadah al-Maridh*, No. 1359)

Ibn Hajar menyatakan hadis ini menunjukkan hukum diperbolehkan mengambil pembantu bukan Islam dan menziarahinya ketika sakit merupakan perbuatan yang baik. Rasulullah SAW menunjukkan akhlak yang baik dengan menziarahi khadamnya yang sedang dalam kesakitan. Perbuatan menziarahi merupakan amalan dalam usaha menyambungkan silaturrahim. Menariknya dalam kisah yang diceritakan dalam hadis di atas, ziarah Rasulullah SAW terhadap khadamnya menjadi asbab kepada keIslaman khadamnya yang asalnya berpegang kepada ajaran Yahudi. Sebagai Rasul, Baginda jelas sentiasa berusaha untuk mengajak manusia kepada Islam. Respon yang baik ini jelas sangat menggembirakan hati Rasulullah SAW apabila berjaya mengIslamkan khadamnya sendiri.

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Asma' binti Abu Bakar RA, beliau berkata:

قَدِمْتُ عَلَيَّ أُمِّي وَهِيَ مُشْرِكَةٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْتَفْتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قُلْتُ: وَهِيَ رَاغِبَةٌ، أَفَأَصِلُ أُمِّي؟ قَالَ: نَعَمْ صِلِي أُمَّكَ

Maksudnya: Satu hari ibuku telah datang (dari Mekah) bertemu denganku (di Madinah) dan dia ketika itu masih lagi seorang Musyrik pada zaman Rasulullah SAW. Kemudian aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW (tentang kedatangan ibuku), aku bertanya, “(Ibuku telah datang dari Mekah untuk bertemu denganku dan dia masih lagi seorang Musyrik), dan dia berkeinginan (untuk berbuat baik dengan anaknya), apakah aku boleh bersilaturrahim dengan ibuku?” Baginda menjawab, “Ya bersilaturrahimlah dengan ibumu.”

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Hibah wa Fadhiha wa al-Tahridh 'alaiha, Bab al-Hadiyyah li al-Musyrikin*, No. 2620)

Hadis ini menunjukkan keterbukaan Baginda kepada golongan bukan Islam. Baginda tidak melarang seorang Muslim untuk berbaik-baik dengan keluarganya yang masih belum memeluk Islam, malahan menggalakkan Asma' untuk menghubungkan silaturrahim dengan ibunya yang Musyrik. Sedangkan ketika itu Asma' tinggal bersama Zubair bin al-Awwam yang merupakan salah seorang pemimpin utama di Madinah dan kemungkinan besar terdapat beberapa maklumat penting di rumahnya yang perlu dirahsiakan daripada pengetahuan orang Musyrik (Mohd Hafiz Daud, 2013). Namun ianya tidak menjadi penghalang kepada Baginda kerana Rasulullah SAW menganggap silaturrahim antara ibu dan anak tidak boleh diputuskan walaupun setelah seseorang memeluk Islam.

Perkara ini boleh diambil iktibar oleh golongan muallaf pada konteks hari ini yang perlu memastikan hubungan dengan ahli keluarga kekal harmoni walaupun setelah mereka memeluk Islam. Mempamerkan akhlak yang baik dengan keluarga yang masih belum memeluk Islam membolehkan potensi untuk menarik minat terhadap agama Islam kesan daripada sikap baik yang ditunjukkan kepada keluarganya.

Dalam kisah lain pula diceritakan bahawa Rasulullah SAW juga membenarkan pemberian hadiah kepada golongan bukan Islam. Hal ini telah diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar RA:

أن عمر بن الخطاب رأى حلة سيرة يعني تباع عند باب المسجد فقال يا رسول الله لو اشتريت هذه فلبستها يوم الجمعة وللوفد إذا قدموا عليك فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إنما يلبس هذه من لا خلاق له في الآخرة ثم جاءت رسول الله صلى الله عليه وسلم منها حلل فأعطى عمر حلة فقال عمر كسوتنيها يا رسول الله وقد قلت في حلة عطار ما قلت فقال رسول الله إني لم أكسكها لتلبسها فكساها عمر أخا له مشركا بمكة.

Maksudnya: Bahwasanya Umar al-Khattab telah melihat kain *Hullah Siyarā'* yang dijual di pintu masjid lalu berkata, "Wahai Rasulullah SAW! Alangkah baiknya kalau tuan beli kain ini lalu tuan memakainya pada hari Jumaat dan untuk menyambut rombongan luar apabila mereka datang bertemumu." Maka Rasulullah SAW pun menjawab, "Sesungguhnya yang memakai kain sutera sebegini orang yang tidak bernasib baik di hari akhirat kelak." Selepas itu, Baginda telah dibawa dengan beberapa helai pakaian yang diperbuat daripada sutera lalu Baginda memberikan sehelai daripadanya kepada Umar bin al-Khattab. Maka beliau pun berkata, "Wahai Rasulullah SAW, bagaimana engkau boleh beri pakaian ini kepadaku sedangkan engkau telah katakannya (hadis) sebelum ini?" Baginda pun menjawab, "Sesungguhnya aku memberi pakaian ini kepadamu bukan untuk engkau pakai." Justeru, Umar pun memahami hasrat Baginda itu lalu beliau pun menghadiahkan pakaian tersebut kepada saudaranya di Mekah yang merupakan seorang Musyrik.

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Libas wa al-Zinah, Bab Tahrim Isti'mal Ina' al-Dzhab*, No. 2068)

Hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW tidak menghalang umat Islam untuk memberikan hadiah kepada golongan bukan Islam sebagai satu bentuk *taqrir* (pengakuan Nabi tanpa mengeluarkan sebarang perkataan). Imam al-Nawawi menegaskan akhlak Rasulullah SAW ini menjadi dalil keharusan setiap Muslim untuk bersilaturrahim dengan kaum kerabat bukan Muslim melalui perbuatan baik, serta keharusan memberikan hadiah sebagai salah satu cara bersilaturrahim dengan mereka (al-Nawawi, 2013).

Tidak Membalas Perbuatan Jahat dengan Kejahatan

Dalam usaha dakwah Rasulullah SAW terhadap golongan bukan Muslim, Rasulullah SAW sentiasa berhadapan dengan musuh-musuh yang cuba untuk menyakiti dan menjatuhkan Rasulullah SAW. Seperti dalam satu kejadian yang diriwayatkan daripada 'Urwah bin Zubair bahawa Aisyah berkata:

دَخَلَ رَهْطٌ مِنَ الْيَهُودِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: السَّأَمُ عَلَيْكَ، فَقَهَمْتُهَا فَقُلْتُ: عَلَيْكُمُ السَّأَمُ وَاللَّعْنَةُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَهْلًا يَا عَائِشَةُ، فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْ لَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَقَدْ قُلْتُ: وَعَلَيْكُمْ

Maksudnya: Sekumpulan Yahudi telah masuk menemui Rasulullah SAW lalu mengucapkan, “Kematian ke atas kamu”. Aisyah berkata, “Aku memahami apa yang hendak dimaksudkan oleh mereka, maka aku berkata kepadanya, dan ke atas kamu kematian dan laknat.” Lalu Baginda bersabda, “Bertenang wahai Aisyah! Sesungguhnya Allah SWT menyukai kelembutan dalam setiap perkara.” Lantas aku pun berkata, “Wahai Rasulullah SAW! Tidakkah engkau mendengar apa yang mereka ucapkan kepadamu?!” Rasulullah SAW menjawab, “Aku telah membalasnya dengan ‘*wa alaykum* (begitu juga ke atas kamu)’”.

(Riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Isti'dzan*, Bab *Kayfa Yuraddu 'ala Ahli al-Dzimmah al-Salam*, No. 6024)

Hadis di atas menunjukkan bagaimana sekumpulan orang Yahudi yang lalu di hadapan Rasulullah SAW mendoakan kematian buat Baginda dengan lafaz **السَّامُ** sebagai helah menggantikan lafaz **السَّلَامُ**. Rasulullah SAW tidak bertindak balas terhadap ucapan tersebut, bahkan sebaliknya Rasulullah SAW hanya membalas lafaz tersebut secara senyap dengan lafaz yang singkat dan beradab. Tambahan lagi, Rasulullah SAW melarang Aisyah daripada menjawab dan mengucapkan sesuatu yang buruk terhadap mereka.

Dalam perihal mengucapkan salam kepada golongan bukan Islam, Imam al-Nawawi (1972) membahagikan kepada empat pendapat. Pertama, haram; kedua, makruh; ketiga, harus dan keempat, tidak boleh kecuali dalam keadaan darurat sekiranya ada kepentingan dan sebab. Bagi ulama' yang meletakkan hukum makruh adalah bersandarkan kepada hadis Nabi seperti berikut:

وعن أسامة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم مر على مجلس فيه أخلاط من المسلمين والمشركين -عبدة الأوثان واليهود- فسلم عليهم النبي صلى الله عليه وسلم ((متفق عليه))

Maksudnya: Daripada Usamah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW lalu di sebuah majlis yang terdapat padanya orang Muslim dan Musyrik - penyembah berhala dan Yahudi - maka Rasulullah SAW memberi salam kepada mereka.

(Riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Isti'dzan*, Bab *al-Taslim*, No. 6254)

Adapun pengharaman memberi salam adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

لا تبدءوا اليهود ولا النصارى بالسلام, فإذا لقيتم أحدهم في طريق فاضطروه إلى أضيقه

Maksudnya: Janganlah kamu memulai salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Jika kamu menjumpai mereka di jalan maka sempitkanlah jalan mereka.

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Salam*, Bab *Tahrim Ibtidaina al-Kafir bi al-Salam*, No. 2167)

Dalam meneliti pertentangan secara zahir terhadap dua hadis di atas tidak bermaksud pendirian Nabi bercanggah dan tidak konsisten. Namun, sebagai seorang pengkaji haruslah melihat kepada konteks hadis tersebut. Hadis berkaitan pengharaman memberikan salam diriwayatkan berkaitan orang Yahudi yang terdiri dari Bani Qainuqā', Bani Naḍir dan Bani Qurayzah. Mereka ini hidup bersama Rasulullah SAW dan telah bersetuju untuk mentaati perjanjian dengan kerajaan Islam, namun mereka mengkhianati Rasulullah SAW dan melanggar perjanjian (al-Mubārakfūrī, 2013). Maka sebaliknya apabila keadaan berada dalam keadaan yang aman dan harmoni, tiada salah untuk mengucapkan salam kepada mereka (Johar Arifin, t.t). Secara rumusnya, mengucapkan salam kepada golongan bukan Islam adalah diharuskan selagi mana mereka berdamai dengan orang Islam serta menghormati ajarannya. Contohnya apabila memberikan ucapan di hadapan audien yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, dibolehkan untuk memberi salam. Namun dalam keadaan penganut bukan Islam memusuhi Islam, hal ini adalah dilarang.

Terdapat riwayat lain yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah cuba diracun oleh sekumpulan Yahudi yang menginginkan kematian ke atas Baginda. Sekumpulan Yahudi ini merancang untuk meracuni makanan Rasulullah SAW. Racun tersebut diletakkan oleh seorang wanita Yahudi. Peristiwa ini berlaku selepas pembukaan Khaibar. Nabi telah dihadiahkan dengan seekor kambing yang telah diletakkan racun padanya. Hal ini seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

قَالَ: هَلْ جَعَلْتُمْ فِي هَذِهِ الشَّاةِ سُمَّاً؟ قَالُوا: نَعَمْ. قَالَ: مَا حَمَلَكُم عَلَىٰ ذَٰلِكَ؟ قَالُوا: أَرَدْنَا إِنْ كُنْتَ كَاذِبًا نَسْتَبْرِحُ، وَإِنْ كُنْتَ نَبِيًّا لَمْ يَضُرَّكَ

Maksudnya: Baginda bertanya, “Adakah kamu telah memasukkan racun ke dalam kambing ini?” Mereka menjawab, “Ya!” Baginda bertanya lagi, “Mengapa kamu berbuat demikian?” Mereka menjawab, “Kami mahukan sekiranya engkau seorang pendusta (bukan nabi) maka kami boleh dapat kerehatan (selesai dengan kematian) dan sekiranya engkau seorang nabi, maka racun tersebut tidak akan memudaratkanmu.”

(Riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Jizyah, Bab Idza Ghadara al-Musyrikun bi al-Muslimin*, No. 3169)

Setelah mengetahui orang yang meletakkan racun tersebut merupakan seorang wanita Yahudi, Rasulullah SAW tidak memerintahkan untuk terus membunuhnya walaupun telah disarankan oleh para sahabat Baginda. Namun apabila seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Basyar bin Barrā’ yang turut makan bersama Rasulullah SAW meninggal akibat daripada racun tersebut, Rasulullah SAW memerintahkan wanita itu diserahkan kepada keluarga Basyar untuk diberikan hukuman. Lalu mereka bersetuju untuk membunuh wanita tersebut sebagai qisas kepada kematian Basyar (Al-Nawawi, 1972)

Rasulullah SAW sentiasa berhadapan dengan percubaan untuk disakiti dan dibunuh. Seperti perbuatan Abu Jahal dan Abu Lahab. Abu Jahal pernah mencuba untuk membunuh Nabi ketika Nabi sedang solat. Abu Jahal melemparkan sebuah batu ke arah Nabi tetapi Allah memesongkannya dan menyelamatkannya daripada pembunuhan tersebut (Muhammad Abu Syuhbah, t.t).

Perbuatan sama yang dilakukan oleh Abu Lahab dan isterinya yang menyakiti Nabi dengan lidah dan perbuatan mereka. Isteri Abu Lahab meletakkan duri di jalan yang dilalui oleh Nabi dan meletakkan kotoran di hadapan rumah Nabi. Apabila Abu Lahab mengetahui yang Allah menjanjikannya api, Abu Lahab bersama isterinya datang membawa batu untuk dilemparkan kepada Nabi. Tetapi Allah menghidupkan pandangan mata Abu Lahab sehingga dia tidak dapat melihat Nabi (Abu Syuhbah, t.t).

Peristiwa-peristiwa di atas jelas menunjukkan sekiranya Rasulullah SAW ingin membalas perbuatan keji golongan Musyrik, Baginda boleh sahaja berdoa kepada Allah untuk menurunkan azab kepada mereka yang menyakitinya sepertimana ketika Nabi berdakwah di Taif. Urwah bin al-Zubair meriwayatkan bahawa Aisyah telah meriwayatkan hadis yang panjang kepadanya:

فَنَادَانِي مَلَكُ الْجِبَالِ، فَسَلَّمَ عَلَيَّ ثُمَّ قَالَ يَا مُحَمَّدُ، فَقَالَ ذَٰلِكَ فِيمَا شِئْتِ، إِنْ شِئْتِ أَنْ أُطِيقَ عَلَيْهِمُ الْأَحْشَابِينَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَلْ أَرْجُو أَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ مِنْ أَصْلَابِهِمْ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ وَحْدَهُ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا

Maksudnya: Malaikat penguasa gunung-ganang tadi memanggil Baginda serta memberi salam pada aku dan berkata “Wahai Muhammad, itu dia bukit-bukit, apa yang kau mahu, sekiranya kau mahu aku tangkupkan mereka dengan bukit *al-Akhshabayn* itu, nescaya kulakukan.” Lalu Rasulullah SAW menjawab, “Tapi apa yang ku harapkan ialah agar Allah mengeluarkan zuriat dari keturunan mereka itu benih-benih yang akan menyembah Allah yang Esa tanpa mempersekutukan Allah sesuatu apa pun.”

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab Bad’ al-Khalq, Bab Idza Qala Ahadukum Amin*, No. 3231)

Respon Rasulullah SAW dengan mengambil pendekatan berlapang dada dan memaafkan mereka yang menyakiti Baginda tanpa wujud sedikit perasaan untuk membalasnya memperlihatkan akhlak Baginda yang sangat mulia. Malahan Rasulullah SAW turut memuji seseorang yang bukan muslim sebagai satu pengiktirafan atas kebaikan seseorang. Interaksi Rasulullah SAW dengan golongan bukan Muslim adalah dengan mengiktiraf kebaikan mereka dengan cara lemah-lembut dan sopan santun sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Ali ‘Imran ayat 159.

3. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dorongan untuk berdialog antara penganut agama adalah mempromosikan kefahaman dan keharmonian yang merupakan nilai utama dalam Islam berdiri atas prinsip keadilan, saling menghormati, dan berbuat kebaikan. Kajian yang dijalankan terhadap hadis yang mencatat interaksi Nabi Muhammad dengan non-Muslim dapat membantu masyarakat memahami kaedah yang sesuai dalam membina hubungan dalam konteks masyarakat yang beragama. Konsep Nabi Muhammad sebagai "qudwah" menegaskan kepentingan meneladani perilaku dan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari. Hasil kajian menunjukkan bukti jelas kebijaksanaan Nabi dalam berinteraksi dengan non-Muslim, termasuk sikap menghormati, mengakui kebaikan, berlaku adil, menjaga hubungan yang baik, dan menolak membalas kejahatan dengan kejahatan. Kajian ini mencadangkan kaedah-kaedah interaksi Nabi Muhammad dengan non-Muslim dapat dijadikan model dalam usaha mewujudkan keharmonian dalam masyarakat majmuk.

Rujukan

- Abu Syuhbah, Muhammad. (t.t.). *Al-Sīrah Al-Nabawiyyah 'Alā Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Al-'Asqalānī, Ibn Hajar. *Fath al-Bārī sharah Sahīh al-Bukhārī*. Mesir: Maṭba'ah Amīriyyah
- Al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim (1997). *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*. Arab Saudi: Rumādi Lī al-Nashru.
- Al-Mubārakfūrī, Ṣafīy al-Rahman (2013). *Al-Raḥīq al-Makhtum*. Damsyik: Resalah Publishers.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyiddīn Yahyā bin Syaraf (1972). *Syarh Sahīh Muslim*. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyiddīn Yahyā bin Syaraf (2013). *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muḥīn*. Damsyik: Dār al-Muṣṭafa.
- Ibn 'Āshur, Muhammad Al-Ṭāhir (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr: Taḥrīr al-Ma'ānī al-Sadīd wa Tanwīr al-ʿAqlī Al-Jadīd min Tafṣīr al-Kitāb al-Mujīd*. Tunisia: al-Dār al-Tunissiyya
- Ibn Kathīr, Abī Al-Fida' Ismā'īl (1401 H). *Tafṣīr Ibn Kathīr*. Beirut: Dār al-Fikr. Jld.3.hal.202.
- Ibn Kathīr, Abī Al-Fida' Ismā'īl (2000). *Tafṣīr al-Qur'ān al-ʿAẓīm*. Muhammad 'Abdul Rahman al- Mar'ashli (ed.), (Jilid 4). Beirut: Dār Ehia al-Tawrāth al-'Arabiyy
- Mohd Faizal Abdul Khir (2019). Interaksi dengan Bukan Islam Berdasarkan al-Quran dan Hadis, dalam Islam dan Hubungan Antara Penganut Agama. Azizan Baharuddin et al (eds). Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Hafiz Daud (2013). Non-Muslim menurut Kaca Mata Rasulullah SAW. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Norafidah Gordani (2021). Konsep *Qudwah Hasanah* dalam Dialog Nabi Ibrahim dalam al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 8 (2). 1-9
- Nazneen Binti Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Binti Din@Mohamad Nasirudin dan Maryam Habibah Binti Kamis (2018). Pendekatan Fiqh *Ta'āyush* dalam Menangani Konflik Antara Agama. *Islamiyyat*. 40 (2). 151-160.
- Nurhanisah Senin et al. (2019). *Understanding the 'other': The Case of al-Biruni (973-1048AD)*. *International Journal of Ethics and System*. 35 (3), 392-409.
- Nursila. (2019). Interaksi sosial masyarakat dalam al-Quran (Telaah Qs: al-Hujurat ayat 13). *Tesis Sarjana*. Institut Agama Islam Negeri. Retrieved from <http://repository.iainpalopo.ac.id/id/eprint/2633/>.